

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGKAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan oleh Kementerian bagi menyediakan pelan khusus yang dapat membantu usahawan di pelbagai peringkat supaya bantuan atau program yang disediakan adalah menyeluruh dan inklusif.

JAWAPAN

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sentiasa komited dalam usaha membangunkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan inklusif dalam melahirkan lebih ramai usahawan yang berkualiti, berdaya maju, berfikiran global dan kompetitif.

2. Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi yang terkandung dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) yang menggariskan strategi dan inisiatif khusus untuk menyokong pembangunan ekosistem keusahawanan dan membantu usahawan di pelbagai peringkat meliputi perusahaan mikro, kecil dan sederhana, koperasi serta usahawan informal. Tumpuan turut diberi kepada usahawan Bumiputera, kumpulan fokus khas merangkumi belia, wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU) serta golongan terpinggir seperti kumpulan B40 dan miskin tegar di luar bandar.

3. Selain itu, penekanan turut diberi kepada usaha memperkasakan Gerakan Koperasi yang merupakan pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi masyarakat. Untuk tujuan ini, MEDAC telah membangunkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 hingga 2025 (TransKoM) yang menggariskan lima bidang tujuhan transformasi dan 20 langkah strategik bagi mencapai matlamat antaranya seperti berikut:

- (i) kesejahteraan dan kemakmuran kepada anggota koperasi;
- (ii) struktur governans koperasi yang profesional, berpengetahuan, inovatif dan fasilitatif; dan
- (iii) model perniagaan baharu koperasi yang lestari, berdaya saing dan berteraskan teknologi.

4. MEDAC juga sedang membangunkan *Blueprint* Perusahaan Sosial bagi menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan sosial bagi tempoh lima tahun mulai tahun 2021 hingga 2025. *Blueprint* ini akan

menggariskan definisi perusahaan sosial yang komprehensif, penanda aras dan tinjauan lanskap keusahawanan sosial sedia ada serta strategi dan pelan tindakan bagi membangunkan ekosistem keusahawanan sosial yang kondusif dan memberi impak sosial yang signifikan kepada masyarakat.

5. Dalam menangani cabaran semasa berikutan penularan Covid-19, MEDAC telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang menggariskan 6 strategi dan 29 program bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan. Strategi-strategi yang dirangka adalah seperti yang berikut:

- (i) meningkatkan keyakinan rakyat;
- (ii) memperkasakan keupayaan dan kapasiti;
- (iii) meningkatkan akses dan bantuan pembiayaan;
- (iv) meningkatkan penggunaan teknologi;
- (v) membuka dan memperluaskan pasaran; dan
- (vi) menyampaikan perkhidmatan berkesan.

Sekian, terima kasih.